



Persatuan Pengguna Pulau Pinang
Consumers Association of Penang
檳城消費人協會 பிளாங்கு பயனீட்டாளர் சங்கம்

Websites:
(in English, BM, Chinese,
& Tamil)
www.consumer.org.my

10 Jalan Masjid Negeri, 11600 Pulau Pinang, Malaysia
Tel: 604-8299511 Fax: 604-8298109
email: consumerofpenang@gmail.com

Surat Kepada Pengarang

15 November 2022

Pencahayaannya yang buruk jejakkan haiwan

Lebih ramai orang kini beralih kepada lampu diod pemancar cahaya (LED) yang menjimatkan kos dan menjimatkan tenaga dan ini termasuklah di luar rumah seperti di lebuhraya dan taman. Tidak syak lagi bahawa LED adalah cekap tenaga dan menjana haba yang sedikit berbanding lampu pijar dan pendarfluor, bagaimanapun, ia adalah ancaman kepada haiwan yang aktif pada waktu malam (nokturnal).

LED menimbulkan bahaya kesihatan dalam bentuk lain kepada alam sekitar dan manusia dengan mengganggu bioritmnya. Hidupan liar akan terancam dengan pendedahan yang berterusan kepada intensiti tingginya, boleh membutakan dan mengganggu kitaran hidup haiwan ini. Burung adalah antara yang berada dalam alam haiwan yang menjadi mangsa kepada pencahayaannya buatan.

Pada Oktober, Menteri Tenaga dan Sumber Asli menggesa orang ramai supaya memalapkan lampu pada waktu malam bagi mengelakkan gangguan kepada burung yang berhijrah ketika ia berhijrah melalui Teluk Bako Buntal di Sarawak untuk singgah semasa penerbangan itu. Malaysia, sebagai salah satu daripada 19 negara anggota Laluan Terbang Asia Timur-Australasia (EAAF), seharusnya mempertimbangkan secara serius kesan kepada burung-burung ini apabila terdedah kepada cahaya yang terang. Sikap dan tindak balas terhadap isu ini akan menentukan sama ada masalah itu akan ditangani dengan keazaman yang sebenar atau sekadar retorik semata-mata.

Penghijrahan burung adalah masa yang amat menarik bagi pencinta alam semula jadi dan peminat kegiatan luar untuk memerhatikan begitu banyak spesies burung yang berhijrah ini mendarat di tapak persinggahannya. Penghijrahan secara fizikal ini amat membebankan dan sering membawa maut kepada burung-burung ini.

Memandangkan kebanyakan burung yang pandai menyanyi ini berhijrah pada waktu malam, cahaya terang pada waktu malam di bangunan besar merupakan penyumbang penting kepada kematian burung ini. Burung yang tertarik dengan lampu di bandar yang terang ini akan melencong dan terbang ke arah bandar yang akan mendedahkannya kepada lebih banyak bahaya.

Burung laut yang bersarang di dalam lubang merupakan satu lagi kumpulan burung yang diketahui terjejas oleh cahaya buatan pada waktu malam. Cahaya ini menarik, dan apabila disorientasikan oleh pendaratan akibat cahaya, ia berisiko berlanggar dengan struktur buatan manusia. Setelah mendarat burung-burung ini mungkin tidak dapat terbang lagi dan berisiko menjadi mangsa, kebuluran, dehidrasi dan akhirnya mati, ini diperolehi dalam penemuan saintifik di dalam kajian bertajuk Seabird mortality induced by land-based artificial lights.

Pencemaran cahaya semakin meningkat di seluruh dunia dengan beberapa peningkatan kesan yang didokumentasikan terhadap alam sekitar. Matt Shardlow daripada badan amal serangga 'Buglife' memerhatikan bahawa pencemaran cahaya mempunyai kesan yang besar ke atas bilangan serangga tempatan yang membawa

kepada kemerosotan drastik dalam banyaknya serangga. Di Malaysia, pencemaran cahaya dikenal pasti sebagai salah satu ancaman utama kepada ritual mengawan 100 spesies kelip-kelip di seluruh negara. Kehilangan serangga ini boleh memberi kesan kepada biodiversiti kerana burung, reptilia, amfibia dan ikan bergantung kepada serangga sebagai sumber makanan.

Contoh lain kesan negatif pencemaran cahaya pada waktu malam ialah:

- tanah lembap juga boleh dipengaruhi oleh keadaan silau cahaya daripada Habitat lampu buatan yang boleh mengganggu pembiakan amfibia dan dengan itu mengurangkan populasinya.
- Penyu laut juga dipengaruhi oleh cahaya lampu tiruan yang membawanya jauh dari lautan kerana ia menjadi keliru oleh cahaya terang yang menyilau seperti dalam kes anak penyu yang baharu menetas yang mencari arah laut dengan mengesan ufuk yang terang di atas lautan.

Banyak jenis hidupan liar bergantung kepada cahaya semula jadi untuk mengekalkan rutin kehidupan dan tanpa cahaya semula jadi, ia boleh menjadi keliru, dan kelihatan kepada pemangsa dan kelangsungan hidup haiwan ini amat berisiko. Pencemaran cahaya didapati telah mengubah persekitaran pada waktu malam haiwan yang aktif pada waktu malam yang tidur pada waktu siang dan aktif pada waktu malam, dengan menukarkan malam kepada siang. Cahaya lampu buatan memberi kesan kepada banyak bentuk kehidupan – haiwan yang aktif pada waktu siang (diurnal) dan nokturnal - dari segi penghijrahan, pembiakan, dan pemakanan serta kesihatan manusia yang dikaitkan dengan peningkatan risiko kanser tertentu seperti yang dinyatakan oleh Persatuan Perubatan Amerika (AMA).

Memandangkan kepada banyaknya masalah yang disebabkan oleh pencemaran cahaya, Persatuan Pengguna Pulau Pinang (CAP) menggesa penyelidik tempatan menjalankan kajian mengenai kesan cahaya lampu buatan ke atas ekosistem kita dan mencadangkan langkah bagi mengurangkannya kepada kerajaan.

Adalah amat penting bagi penyelidik menyediakan pangkalan data mengenai risiko lampu LED terhadap kesihatan manusia dan hidupan liar untuk memberikan nasihat dan maklumat kepada pembuat keputusan yang lebih cenderung menggunakan pencahayaan paling murah yang hanya berfungsi untuk satu tujuan sementara mengabaikan kepentingan yang lain.

Persatuan Pengguna Pulau Pinang (CAP) menggesa semua Perumahan Negeri, Kerajaan Tempatan dan Alam Sekitar di negeri masing-masing supaya beralih kepada lampu jalan LED dan perlu memilih lampu jalan yang bertutup, memastikan cahaya bersinar ke bawah dengan pantulan minimum di langit.

Kami juga menggalakkan kerajaan dan isi rumah supaya menerima pakai saranan oleh Dark-Sky Association (IDA) bahawa hanya sumber cahaya yang hangat untuk pencahayaan luar bagi meminimumkan pemancar biru digunakan.

Cara yang paling murah dan mudah ialah orang ramai menutup lampu yang tidak diperlukan ketika hendak tidur. Lampu di luar rumah tidak perlu dinyalakan sepanjang malam kerana lampu dengan sensor gerakan kini mudah didapati di pasaran.

Mohideen Abdul Kader
Presiden
Persatuan Pengguna Pulau Pinang (CAP)